

11/02/1998

Pelaburan dijanji beri pulangan

Rosmin Darus

KUALA LUMPUR, Selasa - Pengerusi Wanita Barisan Nasional (BN), Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman memberi jaminan wang yang dilabur dalam Akaun Ehsan Wanita akan mendapat pulangan.

Menurutnya, wanita tidak perlu bimbang untuk melabur dalam Akaun Ehsan Wanita kerana pulangannya terjamin, sama seperti skim dana yang lain, cuma akan mengambil sedikit masa.

Tanpa menjelaskan faedah itu secara terperinci, beliau berkata: "Anggaplah RM100 itu sebagai suatu kesedaran untuk menyahut seruan kerajaan dan pada masa yang sama menerima pulangan."

Ehsan Wanita harus dianggap sebagai usaha yang bermula daripada niat untuk membantu kerajaan dalam soal tabungan negara di samping memberi faedah kepada penyimpannya, bukan bagi jangka pendek tetapi untuk masa depan.

Katanya, usaha sekarang ialah menggerakkan kesedaran dan keinginan menabung di kalangan wanita supaya mampu menjadikan ia satu budaya dalam masyarakat negara ini.

"Kempen Ehsan Wanita juga diharap dapat membawa wanita menjadi pelabur yang bijak, boleh mendidik dan melahirkan generasi bijak melabur dan menabung.

"Tugas yang kita buat ini adalah satu amanah sekali gus dapat dirasakan habuan, faedah dan nikmatnya. Ini kerana cadangan untuk mewujudkan Amanah Saham Wanita sudah diserahkan kepada Suruhanjaya Sekuriti (SC).

"Kita juga mahu menyambut seruan kerajaan supaya menyimpan, bukan secara pasif tetapi menjadi peserta aktif dengan menggalakkan budaya saling membantu dengan pulangan terjamin," katanya ketika ditemui di pejabatnya.

Kempen menabung Ehsan Wanita dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Ahad lalu. Sejumlah RM540,690 berjaya dikumpul dan dijanjikan oleh wanita yang membuka akaun itu pada hari berkenaan.

Akaun Ehsan Wanita dibuka kepada semua wanita dalam dan luar negara dengan simpanan minimum RM100.

Dr Siti Zaharah menjangka dapat mengumpul lebih RM5 juta sebelum akhir tahun ini apabila fasa kedua yang membabitkan pembentukan Amanah Saham Wanita dilancarkan.

Dana itu akan dikendalikan oleh Metrowangsa Asset Management dan Hijrah Asset Managers, memberi pilihan kepada penyimpan sama ada untuk kekal atau melabur dalam Amanah Saham Wanita, apabila diluluskan oleh SC.

Menurutnya, jika dana itu mendapat kelulusan SC ia mempunyai objektif untuk meningkatkan keutuhan kewangan melalui simpanan dan pelaburan, menolong wanita dan wanita yang mengetuai syarikat untuk mencapai kejayaan lebih besar dalam perniagaan.

Objektif lain ialah sebahagian kecil daripada keuntungan syarikat pengurusan akan diagihkan sebagai sedekah dan khairat takaful/kematian dengan memberi kelebihan kepada wanita. Biasiswa juga akan diberikan kepada anak pemegang unit dengan syarat mereka memenuhi kriteria yang ditetapkan pihak pengurusan.

"Kita mahu menggerakkan kempen itu secara membina dengan menggerakkan ahli untuk terus menabung melalui seminar pendidikan, persidangan dan pertemuan lain hingga ke peringkat negeri," katanya.

Sambil memberitahu mendapat sokongan daripada semua parti komponen, pertubuhan dan individu, Dr Siti Zaharah berkata RM100 itu mampu dilabur oleh hampir semua wanita.

Bagaimanapun jika dirasakan RM100 mahal, wanita boleh melabur RM50 dulu dan selebihnya diikat melalui perjanjian.

Menurutnya, borang untuk pelaburan dalam Akaun Ehsan Wanita boleh didapati dari pejabat pengurus dana di Ampang, Selangor.

"Dalam menghadapi kegawatan ekonomi ini, perlu penggemblengan semua pihak dan wanita yang jumlahnya hampir 50 peratus berpotensi untuk mewujudkan sumber kewangan membantu negara," katanya.

(END)